

**Pak Lah: Tidak Perlu Perhimpunan Bagi Menyuarakan Permintaan
Mstar Online
12 January, 2013**

TASEK GELUGOR: Langkah pembangkang untuk mengadakan perhimpunan sebagai medium untuk menyuarakan tuntutan mereka tidak harus menjadi amalan biasa kerana ia boleh membawa kesan negatif kepada pelbagai pihak, kata Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Mengulas mengenai Himpunan Kebangkitan Rakyat di Kuala Lumpur pada Sabtu, bekas perdana menteri itu berkata tidak semua orang berminat untuk menyokong langkah itu dan pembangkang tidak harus menggalakkan orang ramai untuk menyertai.

"Mereka (pembangkang) telah melakukan perhimpunan seperti ini terlalu banyak kali dan setiap kali, mereka tidak perlu untuk melakukan ini lagi. Ia hanya membawa kesan negatif.

"Malah peniaga dan pemilik perniagaan yang terjejas oleh perhimpunan itu telah menyatakan dengan jelas bahawa mereka tidak boleh menyokong perhimpunan itu lagi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan ulang tahun ke-14 Persatuan Seni Silat Gayung Fatani Malaysia di sini.

Abdullah berkata pembangkang boleh menggunakan medium lain untuk menyuarakan tuntutan mereka, termasuk dengan menyerahkan memorandum kepada kerajaan.

Jika ia adalah benar-benar perlu bagi mereka untuk mengadakan perhimpunan, mereka perlu melakukannya di lokasi yang diluluskan dan memastikan bahawa perhimpunan itu adalah aman, katanya.

Di KELANTAN, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed menyifatkan perhimpunan itu sebagai satu pendekatan yang berisiko yang boleh mencemarkan imej negara di mata dunia, selain merosakkan iklim ekonomi masa depan.

"Malaysia adalah sebuah negara yang aman dan kerajaan juga telah menyelesaikan banyak isu, terutama mengenai pilihan raya umum melalui Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa perhubungan Umno Kelantan.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2013 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2013/1/12/mstar_berita/20130112231629&sec=mstar_berita